

Elaun Wang Saku Pelajar kolej matrikulasi dibayar selewat-lewatnya 18 Okt ini

LABUAN: Elaun Wang Saku Pelajar (EWSP) yang tertangguh pembayarannya kepada sejumlah 21,000 pelajar kolej matrikulasi di seluruh negara sejak Ogos lalu, akan dibayar selewat-lewatnya 18 Okt ini.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam satu kenyataan kelmarin berkata kelewatan pembayaran elaun itu disebabkan kementerian itu perlu

menjajarkan semula baki peruntukan kewangan yang sedia ada agar ia dapat digunakan secara optimum.

"KPM komited dan berusaha untuk memastikan penyaluran ESWP kepada seramai 21,000 pelajar di 15 buah kolej matrikulasi di seluruh negara dibayar selewat-lewatnya pada 18 Okt ini melalui akaun pelajar masing-masing," kata kementerian itu.

Sejak bulan lalu lebih 100 pelajar Kolej Matrikulasi Labuan (KML) yang menghadapi kesukaran kerana tidak menerima elaun itu, diberi bantuan makanan dan minuman setiap hari oleh pihak pengurusan kolej itu.

Mereka merupakan sebahagian daripada lebih 2,000 pelajar KML, adalah daripada keluarga yang kurang berkemampuan.
-Bernama